

## ASNAF FI SABILILLAH MENURUT YUSUF AL-QARADĀWĪ: ANALISIS KEPERLUAN COVID-19

Mohamad Zaim Ismail<sup>a1\*</sup>, Aemy Aziz<sup>b</sup>, Husnizam Hosin<sup>c</sup>, Muhammad Sobri Faisal<sup>d</sup>, Siti Nur Anisah Yaakob<sup>e</sup> & Munawar Rizki Jailani<sup>f</sup>

<sup>a, b</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Kampus Segamat

<sup>c</sup> Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Kampus Segamat

<sup>d</sup> Academy of Islamic Civilisation, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia

<sup>e</sup> Transaction Monitoring and Investigation (TMI), Group Compliance, Malayan Bank Berhad

<sup>f</sup> Fakultas Ekonomi & Bisnis Islam, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Lhokseumawe, Indonesia

(RECEIVED – JANUARY 1, 2023; REVISED – FEBRUARY 12, 2023; ACCEPTED – MARCH 7, 2023)

### ABSTRACT

*This article discusses the views of Yusuf al-Qaradāwī regarding asnaf fi sabilillah. The initial review in this study also explained the problem of how Yusuf al-Qaradāwī thought in his book Fiqh al-Zakat describes this issue related to asnaf fi sabilillah. In this case, Yusuf al-Qaradāwī also considers the justification from the views of other scholars past in explaining the meaning of asnaf fi sabilillah. Other views expand the meaning of asnaf fi sabilillah also examined. To accept the objectives of this study, the approach with the method of analysis of thought Yusuf al-Qaradāwī related to asnaf fi sabilillah by referring to his book that is Fiqh al-Zakat. The results of this study also found that the thoughts and thoughts translated by Yusuf al-Qaradāwī related to asnaf fi sabilillah are very appropriate by taking into account the views of other scholars' past by not setting aside the current environment of a place.*

*Keywords: Zakat, Asnaf fi sabilillah and View of Yusuf al-Qaradāwī*

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan berkaitan tentang pandangan Yusuf al-Qaradāwī berkaitan asnaf fi sabilillah. Dalam tinjauan awal dalam kajian ini juga turut dijelaskan permasalahan bagaimana pemikiran Yusuf al-Qaradāwī di dalam kitabnya Fiqh al-Zakat menghurai isu berkaitan asnaf fi sabilillah ini. Dalam hal ini juga, Yusuf al-Qaradāwī turut mengambil kira justifikasi daripada pandangan-pandangan ulama silam yang lain dalam menghuraikan pengertian asnaf fi sabilillah ini. Adapun terdapat juga pandangan-pandangan lain yang meluaskan pengertian asnaf fi sabilillah ini. Bagi memenuhi objektif dalam kajian ini, pendekatan dengan kaedah penganalisan pemikiran Yusuf al-Qaradāwī berkaitan asnaf fi sabilillah dengan merujuk kepada kitabnya iaitu Fiqh al-Zakat. Hasil kajian dalam

<sup>1\*</sup>Corresponding author; Mohamad Zaim Ismail, PhD, Senior Lecturer at Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Kampus Segamat, Malaysia. E-mail: [mohamadzaim@uitm.edu.my](mailto:mohamadzaim@uitm.edu.my)

kajian ini juga mendapati bahawa pemikiran dan buah fikiran yang diterjemahkan oleh Yusuf al-Qaraḏāwī berkaitan asnaf fi sabilillah ini amat bersesuaian dengan mengambil kira pandangan-pandangan ulama silam yang lain dengan tidak mengetepikan persekitaran semasa sesuatu tempat tersebut.

*Kata kunci: Zakat, Asnaf fi sabilillah dan Pandangan Yusuf al-Qaraḏāwī*

## 1. Pengenalan

Antara golongan asnaf yang layak untuk disalurkan zakat yang terkumpul adalah golongan asnaf fi sabilillah sepertimana yang dimaklumi melalui al-Quran. Namun demikian, bagi kumpulan asnaf ini, ulama berbeza pendapat sama ada ia terhad kepada golongan yang berjihad di jalan Allah SWT sahaja atau terdapat beberapa pemahaman yang luar pemahaman tersebut. Antara tokoh yang membuat kajian mendalam bagi bab zakat adalah Yusuf al-Qaraḏāwī melalui kitabnya yang terkenal Fiqh al-Zakat. Melalui kitab ini, pelbagai perbincangan tuntas dikemukakan oleh beliau dalam memahami dan memenuhi keperluan era kini. Kajian ini merupakan suatu kajian bagi menganalisis pandangan Yusuf al-Qaraḏāwī berkaitan asnaf fi sabilillah dan melihat kesesuaiannya dalam konteks semasa. Bagi perbincangan isu ini, pelbagai pandangan ulama turut dimuatkan dan dibincangkan di dalam bab asnaf fi sabilillah agar golongan asnaf fi sabilillah mendapat bantuan yang wajar dan hak mereka tidak dinafikan walau ia masih di dalam kerangka perselisihan ulama. Pandangan-pandangan tersebut dianalisis dengan melihat keperluan dan kesesuaian terhadap permasalahan yang timbul kini.

Ketika dunia dilanda pandemik COVID-19, majoriti penduduk dunia mendapat kesan yang buruk sama ada berkaitan kesihatan, fizikal, mental, emosi mahupun kewangan. Bagi membantu golongan yang terjejas ini, beberapa badan zakat telah mengambil langkah proaktif dengan memberi bantuan kewangan kepada golongan terjejas menggunakan dana zakat terkumpul. Dengan peruntukan yang banyak kepada sesiapa yang terjejas ini menimbulkan persoalan adakah mereka golongan yang betul-betul layak untuk menerima bantuan kewangan daripada pihak zakat (Utusan Malaysia, 2020).

Kajian ini juga akan menumpukan kepada konsep zakat yang merangkumi pengertian dan kadar zakat yang dikenakan. Kemudian, dalam artikel ini turut mengemukakan justifikasi yang dilakukan oleh ulama berkaitan tentang asnaf fi sabilillah.

*Terjemahan: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah dan orang-orang musafir yang keputusan dalam perjalanan. Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan yang datangnya dari Allah. Dan ingatlah Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana.*

Surah Al-Taubah 9: 60

Melalui ayat di atas, intipati terpenting yang boleh diambil adalah mengenai pengagihan hasil kutipan zakat itu sendiri. Terdapat lapan golongan asnaf yang disebut iaitu asnaf fakir, miskin, amil, muallaf, *al-riqāb*, *al-ghārimin* (orang yang berhutang), *fi sabilillah* (orang-orang yang berjuang di jalan Allah) dan *ibn sabil*. Di dalam ayat ini, ianya secara jelas menyentuh aspek berkaitan pengagihan zakat berbanding permasalahan dalam menentukan sumber zakat yang turut memperincikan arahan (Abdul Majid, 2003). Beliau juga menegaskan bahawa tanggungjawab dan amanah yang besar ini perlu dipikul oleh semua institusi zakat di Malaysia.

Adapun kajian ini, hanya akan memfokuskan kepada pandangan Yusuf al-Qaraḍāwī berkaitan asnaf *fi sabilillah* sahaja. Hal ini kerana terdapat perselisihan ulama dalam mengklasifikasikan golongan yang boleh dimasukkan di dalam golongan asnaf *fi sabilillah*. Tambahan pula, beberapa keperluan terkini harus diteliti kerana badan zakat ini menggunakan dana zakat bagi masalah semasa yang berlaku. Jika dilihat, golongan asnaf *fi sabilillah* ini merupakan salah satu golongan asnaf yang perlu dipandang tinggi dan juga perlu diangkat sebagai antara golongan asnaf terpenting seiring dengan asnaf-asnaf yang lain. Pelbagai tafsiran ataupun justifikasi telah diberikan dalam mengkategorikan golongan asnaf ini oleh Majlis Agama Islam Negeri dengan melihat kepada keperluan dari semasa ke semasa. Maka, sesuai dengan ketokohan Yusuf al-Qaraḍāwī melalui kitabnya yang terkenal *Fiqh al-Zakat*, pandangan dan pemikirannya akan dianalisis dan cuba diaplikasikan dalam usaha mengangkat sistem zakat sesuai dengan keperluan zaman kini.

## 2. Konsep Asnaf Zakat

Di bahagian konsep ini, satu tinjauan dilakukan bagi membincangkan pengertian dan kadar bagi golongan asnaf-asnaf. Selain itu, dalam bahagian konsep asnaf zakat ini juga, pengkaji turut menghuraikan berkaitan sasaran ibadah zakat. Berikut merupakan perinciannya:

### 2.1 Pengertian zakat

Zakat ini merupakan kata dasar daripada zakā yang bermaksud berkah, tumbuh, bersih dan baik. Menurut (Manzur, 1956) dalam Lisān al- ‘Arab, beliau juga ada menyebut bahawa perkataan zakat ini sekiranya ditinjau dari sudut bahasanya, ia juga turut memberi maksud tumbuh, berkat dan terpuji yang mana semua maksud ini turut digunakan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, menurut ulama’ lain seperti Wahidī, kata asal zakā ini memberi maksud bertambah dan tumbuh sehingga zakā ini diibaratkan seperti tanaman yang sifatnya bersifat tumbuh. Malah, apabila sesuatu tanaman itu tumbuh tanpa cacat, situasi zakā ini boleh diertikan sebagai bersih. Selain itu, apabila seseorang itu diberi atau digelar dengan perkataan zakā ini, maka situasi ini memberi maksud bahawa seseorang itu lebih banyak bersifat baik.

Adapun pengertian zakat menurut istilah pula adalah merujuk kepada sesuatu hak yang wajib dikeluarkan daripada harta kita. Secara jelasnya, zakat ini diertikan sebagai kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta yang wajib dikeluarkan kepada golongan manusia tertentu apabila telah cukup syarat-syarat yang tertentu. Di sini juga pengkaji turut menghimpunkan beberapa definisi zakat yang dinyatakan oleh fuqahā’ sebelum ini. Antaranya ialah:

Menurut mazhab Syāfi’ī (al-Khinn, 1996), zakat ini boleh diertikan sebagai kadar yang ditentukan daripada jenis harta yang wajib dikeluarkan untuk diberikan kepada golongan asnaf apabila semua syarat telah dipenuhi. Adapun terdapat perbezaan definisi yang dikeluarkan oleh fuqahā’ mazhab Mālikī (Al-Qaraḍāwī, 1977) ini yakni fuqahā’ ini mendefinisikan zakat ini sebagai suatu cara pengeluaran sebahagian harta kita yang khusus yang telah mencapai nisab (had kuantiti) dan haul (setahun) untuk diberikan kepada golongan-golongan asnaf ini. Bagi fuqahā’ seperti mazhab Ḥanafī pula, beliau mendefinisikan zakat ini sebagai satu instrumen untuk diberikan kepada golongan yang tertentu berdasarkan sebahagian harta yang khusus daripada harta yang khusus. Berbeza pula pengertian zakat yang dikeluarkan oleh fuqahā’ Ḥanbalī ini yakni fuqahā’ ini menjelaskan bahawa kelompok yang perlu diberikan zakat ini dikira setelah pengeluaran sebahagian harta yang khusus dilakukan mengikut syarat-syarat yang tertentu.

Maka, setelah penelitian dilakukan, maka ibadah zakat ini boleh didefinisikan sebagai penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan untuk diberikan kepada lapan golongan asnaf apabila syarat-syarat lain telah dipenuhi. Selain itu, ibadah zakat ini juga sering disebut di dalam al-Quran secara ringkas, malah ibadah zakat ini diceritakan lebih ringkas daripada ibadah solat. Al-Quran tidak menyebut harta apa yang wajib dizakatkan malah al-Quran juga tidak menyebut berapa besar zakat itu perlu dibayar dan apakah syarat-syaratnya. Seperti syarat haul (genap setahun), batas nisab dan gugurnya wajib zakat sebelum nisab.

Kemudian, al-Sunnah melengkapi al-Quran tersebut dengan memperincikan zakat tersebut. Al-Sunnah ini diperoleh daripada Rasulullah SAW berdasarkan keterangan yang dipercayai, kemudiannya disebarkan kepada sahabat-sahabat baginda.

## **2.2 Kadar untuk diberikan kepada asnaf**

Terdapat perbezaan kadar yang dikemukakan oleh fuqahā' - fuqahā' ini. Sebagai contoh, menurut mazhab Syāfi'ī dan Ḥanbalī, kadar yang perlu diberikan kepada golongan asnaf ini ialah suatu jumlah yang mampu menyelesaikan permasalahan keperluannya seperti barang-barang untuk dijadikan modal perniagaan, biarpun modal yang diperlukan itu merupakan modal yang begitu besar. Situasi ini juga dapat digambarkan apabila penetapan zakat daripada Allah SWT ini bertujuan menyelesaikan keperluannya dan menyempurnakan masalah mereka.

## **2.3 Sasaran ibadah zakat**

Dalam kalangan sarjana ekonomi dan sosiologi telah menjelaskan bahawa ibadah zakat itu bukannya dinilai daripada jumlah zakat yang diperoleh. Biarpun pada ketika ini kepelbagaian kaedah dan alternatif telah digunakan untuk memungut zakat ini. Namun, dalam masa yang sama pihak pemerintah yang diwakili oleh bahagian zakat di bawah negeri masing-masing perlu membuat penyerahan kepada golongan asnaf ini dengan adil dan saksama. Ini juga bertujuan bagi melihat ke mana zakat ini digunakan. Jika dilihat pada masa ini masih ramai golongan fakir dan miskin yang hidup di pedalaman kampung, lorong-lorong gelap, pinggir bangunan usang tanpa dibantu oleh pihak pemerintah. Situasi ini juga dilihat bagaimana peranan zakat itu sendiri yang gagal digunakan sepenuhnya bagi membantu golongan-golongan seperti ini. Ketidakadilan dalam pembahagian agihan zakat turut dipersoal oleh masyarakat Islam khususnya sehingga menyukarkan kehidupan mereka. Di samping proses untuk mendapatkan bantuan zakat yang mengambil tempoh masa yang lama menjadikan golongan fakir dan miskin ini mengemis di jalanan bagi menampung kehidupan hariannya.

Pemberian harta zakat ini juga perlu diagihkan dengan mengikut keutamaannya. Situasi ini juga bermaksud bahawa golongan yang tidak berhak untuk mendapatkan zakat itu tidak perlu didahului berbanding dengan golongan yang benar-benar memerlukan perlu diutamakan. Maka oleh sebab itu tidak hairan apabila al-Quran ini memberikan perhatian yang khusus dan kemudiannya dijelaskan secara terperinci oleh al-Sunnah. Sebelum kedatangan agama Islam, sejarah kewangan menceritakan kepelbagaian perolehan dalam bentuk pajakan. Pemungutan pajak ini dilakukan oleh pelbagai bangsa secara sukarela atau secara paksa. Hasil pungutan tersebut kemudiannya disimpan dalam perbendaharaan raja atau pemerintah untuk diagihkan kepada setiap organisasi dalam memenuhi keperluan keluarga. Selain itu, hasil pajakan itu juga digunakan untuk kemewahan dan kebesaran mereka sendiri tanpa mpedulikan segala keperluan rakyat dan golongan fakir miskin yang sengsara.

Apabila datangnya agama Islam, fokus utamanya adalah kepada golongan sasaran yang memerlukan. Pembahagian agihan bagi zakat ini khusus diperuntukkan bagi mereka yang benar berhak di samping diperoleh daripada sumber pendapatan negara. Dalam bidang kewangan pula, perpajakan dan perbelanjaan negara telah dijadikan agenda utama dan jangkauan sosial yang begitu luas sekali. Malah, kepentingan sosial ini amat penting dalam bidang kewangan.

## **3. Golongan Asnaf Fi Sabilillah: Justifikasi Menurut Pandangan Yusuf Al-Qaraḍāwī Terhadap Pandangan Fuqahā' dan Mufassirin**

Dalam bahagian ini pula, pengkaji akan menghuraikan berkaitan justifikasi pandangan Yusuf Al-Qaraḍāwī berkaitan golongan asnaf fi sabilillah yakni Yusuf Al-Qaraḍāwī ini telah membahagikan golongan ini kepada dua golongan iaitu a) golongan yang pertama ialah golongan yang mengehendkan berjihad pada jalan Allah SWT dan b) golongan yang kedua pula ialah golongan yang meluaskan pengertian fi sabilillah. Perinciannya adalah seperti berikut:

Di dalam kitab Fiqh al- Zakāt, perbincangan mengenai golongan asnaf fi sabilillah terkandung di dalam jilid kedua bab keempat. Perbincangan di dalam bab keempat ini turut memberi fokus bagaimana pengurusan harta zakat itu dilakukan. Malah, turut dibincangkan juga di dalamnya ialah lapan sasaran berkaitan pengagihan harta zakat ini. Menurut pandangan yang dikemukakan Al-Qaradāwī (2006), terdapat beberapa pendapat ataupun pengertian berkaitan asnaf fi sabilillah ini. Pertama, golongan asnaf ini diertikan kepada golongan yang berjuang di jalan Allah SWT (berjihad). Namun, terdapat juga pendapat lain yang menyebut bahawa fi sabilillah ini bukan hanya tertumpu kepada golongan yang berjuang di jalan Allah SWT semata-mata. Namun, skop ini perlu diperluaskan dengan keperluan mengagihkan zakat untuk kepentingan umum seperti membina sekolah, kubu, masjid dan sebagainya.

### **3.1 (a) Mengehadkan hanya berjihad pada jalan Allah sahaja.**

**Golongan Pertama (Mazhab Hanafi):** Menurut Abu Yūsuf, pengertian fi sabilillah ini adalah merujuk kepada pejuang-pejuang Islam di jalan Allah yang secara sukarela terputus bekalannya. Dapat difahami daripada situasi ini ialah golongan sukarelawan ini tidak mampu meneruskan jihad di jalan Allah bersama pejuang-pejuang Islam yang lain disebabkan kefakirannya. Malah, pejuang-pejuang Islam sukarelawan ini turut menjelaskan bahawa kedaifan mereka ini disebabkan kerosakan pada kenderaan haiwan tunggangannya serta terputusnya bekalan. Maka, situasi ini juga dibolehkan mereka ini menerima zakat walaupun golongan ini mampu berusaha. Situasi ini juga bagi memastikan golongan ini tidak meninggalkan perjuangan jihad di jalan Allah SWT.

Adapun Imam Muhammad juga telah memberi maksud fi sabilillah ini dengan takrifan yang berbeza. Imam Muhammad ini menjelaskan maksud fi sabilillah ini adalah merujuk kepada jemaah haji yang terputus bekalannya. Takrifan ini juga berdasarkan satu riwayat yakni terdapat seseorang yang menjadikan untanya untuk keperluan berjihad di jalan Allah SWT, lalu baginda Rasulullah SAW memerintahkan agar menggunakan untanya itu untuk digunakan membawa jemaah haji. Baginda Rasulullah SAW juga turut menegaskan bahawa membawa jemaah haji menggunakan untanya itu juga termasuk di dalam berjihad di jalan Allah SWT. Malah, baginda juga turut menyebut di dalam menunaikan ibadah haji ini, terdapat perintah Allah SWT dan ketaatannya kepada-Nya dengan memerangi hawa nafsu yang menyumbang kepada kegagalan dalam menunaikan ibadah tersebut.

Yusuf Al-Qaradāwī juga di dalam kitabnya menyebut terdapat juga riwayat yang mengatakan bahawa fi sabilillah ini merujuk kepada pencari ilmu. Namun, tafsiran ini turut mendapat kritikan daripada sebahagian ulama'. Hal ini juga disebabkan ketika mana ayat ini diturunkan, tidak wujud golongan yang disebut sebagai penuntut ilmu bersama sahabat-sahabat baginda Rasulullah SAW.

**Golongan Kedua (Mazhab Maliki).** Menurut Ibnu 'Arabi di dalam kitabnya Ahkam al-Quran, turut disebutkan ialah berkaitan tafsiran fi sabilillah ini yakni nukilan ini diperoleh daripada kata-kata Imam Malik yang menyebut bahawa fi sabilillah ini mempunyai banyak maksud namun menurut Ibnu 'Arabi ini, beliau menegaskan fi sabilillah ini hanya merujuk kepada pejuang-pejuang di jalan Allah SWT sahaja. Namun, wujud perselisihan berkaitan asnaf ini yakni Muhammad bin Abu al-Hakam mensyarahkan bahawa zakat yang digunakan untuk membuat baju besi/perang, senjata dan juga alat perang yang lain bagi tujuan membela diri daripada musuh, maka situasi ini turut terkandung di dalam pengertian berjihad di jalan Allah SWT dan juga persiapan untuk pergi berperang. Hujah ini juga disokong seperti mana di dalam Syarah Dardir (Matan Khalil) yang turut menyebut bahawa golongan yang berjihad di jalan Allah SWT ini turut diberikan harta zakat termasuk juga kelengkapan berperang seperti senjata dan kuda. Golongan yang berjihad ini juga layak menerima zakat biarpun secara zahirnya golongan ini merupakan golongan yang kaya. Kelayakan ini juga bukanlah disebabkan daripada kefakirannya tetapi kelayakan ini diperoleh daripada berjihad di jalan Allah SWT.

Oleh itu, justifikasi daripada situasi ini, Yusuf Al-Qaradāwī berpandangan bahawa golongan yang berharta dibenarkan untuk berjihad namun sumber harta zakat tersebut tidak boleh digunakan untuk tujuan membeli peralatan perang seperti baju besi, senjata dan alat perang yang lain malah harta zakat ini juga tidak boleh digunakan untuk membina kenderaan perang.

**Golongan Ketiga (Mazhab Syafii).** Menurut Imam Al-Nawawi dan Ibnu Hajar al-Haitami berpendapat bahawa *fi sabilillah* ini merujuk kepada sukarelawan yang berjihad di jalan Allah tanpa diberi ganjaran oleh pihak pemerintah. Malah menurut Ibnu Hajar ini juga, pengertian *fi sabilillah* ini diperluas dan beliau turut menegaskan bahawa golongan sukarelawan yang berperang dengan niat semata-mata kerana Allah SWT dan bukannya pada harta biarpun golongan ini merupakan golongan yang kaya, maka golongan ini lebih berhak untuk mendapatkan zakat tersebut.

Namun, Imam Al-Syāfi'ī dalam kitabnya *al-Umm* juga turut mensyaratkan bahawa harta zakat ini perlu diberikan kepada golongan yang lebih memerlukan seperti orang yang terdekat (jiran) dan tidak boleh diberikan selain mereka ini kecuali dalam situasi terdesak seperti diberikan kepada golongan yang berjihad di jalan Allah SWT (Tafsir Fakhrur-Razi). Beliau juga turut berpendapat bahawa harta zakat ini perlu diagihkan yakni zakat ini dikumpulkan dan tidak boleh dibahagikan di luar kawasan seperti di medan perang. Imam Al-Nawawī dalam *Raudhah* turut berpendapat bahawa golongan yang pergi berjihad di jalan Allah SWT harus diberi bekalan dan juga pakaian ketika pergi dan pulang serta di medan perang biarpun situasi di medan perang itu mengambil tempoh masa yang lama.

**Golongan Keempat (Mazhab Hanbali).** Mazhab Hanbali ini juga seiring pendapat yang dikeluarkan oleh Mazhab Al-Syāfi'ī yakni *asnaf fi sabilillah* ini ditakrifkan sebagai golongan yang berjihad di jalan Allah SWT yang tidak memiliki gaji tetap atau memiliki tetapi hanya mencukupi untuk keperluannya. Golongan kaya yang berjihad di jalan Allah SWT juga turut diberikan zakat namun sekiranya golongan ini tidak menyertai untuk berperang maka perolehan zakat tersebut perlu dikembalikan.

Maka, hasil perbincangan mazhab empat berkaitan *fi sabilillah* ini, dapat dijelaskan di sini bahawa *asnaf fi sabilillah* ialah mereka yang berjihad di jalan Allah SWT dengan merujuk kepada *kalimah fi sabilillah* itu sendiri. Kedua, harta zakat itu perlu diserahkan kepada golongan yang berjihad di jalan Allah SWT sahaja namun begitu terdapat perbezaan mengenai pemberian zakat untuk keperluan dan persediaan untuk berjihad. Ketiga, kesemua mazhab menyatakan harta zakat ini tidak boleh digunakan untuk kepentingan dan kemaslahatan umum seperti mendirikan jambatan, masjid, sekolah, membaiki jalan, mengurus mayat dan sebagainya.

### 3.2 (b) Golongan Yang Meluaskan Pengertian *Fi sabilillah*.

Antara para ulama, terdapat dalam kalangan mereka yang meluaskan pengertian *fi sabilillah* ini. Situasi ini juga dilihat bahawa *fi sabilillah* ini tidak hanya memberi fokus kepada jihad di jalan Allah semata-mata, bahkan konsep *fi sabilillah* ini mencakupi kemaslahatan umum dan apa-apa perbuatan yang mampu mendapatkan pahala sesuai dengan maksud *fi sabilillah* itu sendiri. Ini mencakupi kemaslahatan umum, perbuatan yang mampu mendapatkan pahala seiring dengan penerapan asal dari pengertian *fi sabilillah* itu. Antara yang meluaskan maksud *fi sabilillah* ialah Imam al-Razi di dalam tafsirannya menyebut bahawa lafaz dalam firman Allah “*wa fi sabilillah*” tidak memberi fokus kepada jihad di jalan Allah SWT semata-mata (berperang) lalu ia berkata: Imam Qaffal dalam penulisan di dalam tafsirannya turut menyebut bahawa sebahagian fuqaha' meluaskan pengertian *fi sabilillah* dengan menggunakan zakat itu kepada semua jenis kebaikan meliputi bagaimana menguruskan mayat, membina penjara dan juga mengimarahkan masjid untuk orang ramai. Hal ini demikian kerana *kalimah fi sabilillah* ini meliputi semua yang bersifat umum. Pandangan ini telah dibawa oleh Imam Qaffal tanpa menyebut kepada siapa fuqaha' itu disandarkan. Namun diketahui bahawa ulama *Muhaqqiqin* tidak akan memutlakkan sifat faqih kecuali pada mujtahid. Ia sebagaimana pengamalan Imam al-Razi yang tidak memberikan apa-apa

komentar terhadap pandangan yang beliau cenderung kepadanya.

Selain itu juga, ulama lain seperti al-Kasani juga merupakan antara ulama yang meluaskan pengertian lafaz *fi sabilillah* ini. Al-Kasani di dalam kitabnya *Bada'i al-Sanai*, beliau sendiri telah mentafsirkan secara jelas berkaitan lafaz *fi sabilillah* ini iaitu dengan pengertian satu lafaz yang menunjukkan kepada semua perbuatan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT. Hal ini menunjukkan bahawa setiap orang yang melakukan kebaikan dan ketaatan kepada Allah SWT disyaratkan bagi dimasukkan di dalam golongan *asnaf fi sabilillah*. Terdapat juga ulama lain iaitu *Saddiq Hassan Khan* melalui kitabnya *al-Raudah al-Nadiyyah* yang turut menyatakan perihal sama dengan menyatakan bahawa walaupun jihad pada jalan Allah ini merupakan sebesar-besar jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, namun situasi ini tidak mempunyai dalil ataupun bukti yang mengkhususkan untuk pengertian lafaz *fi sabilillah* ini kepada pengertian berperang pada jalan Allah SWT semata-mata. Bahkan ia juga turut boleh ditafsirkan dengan pengertian apa-apa sahaja perbuatan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT. Hal ini bermaksud bahawa lafaz *fi sabilillah* perlu digunapakai dari sudut bahasa selama mana tidak terdapat dalil syarak yang menghalang dari penggunaan tersebut.

Maka hal ini menunjukkan kutipan zakat dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT adalah sesuatu yang diharuskan walaupun mereka terdiri daripada golongan ulama yang kaya dan mewah. Hal ini kerana golongan ulama ini berjuang untuk mendidik, mengasuh dan membimbing manusia dalam soal keagamaan, maka mereka ini juga berhak dalam tuntutan dan perlu diutamakan dalam soal agihan zakat tanpa mengambil kira sama ada mereka ini daripada golongan yang kaya raya ataupun golongan yang miskin.

Bahkan, *Saddiq Hassan Khan* turut menjelaskan bahawa membelanjakan ataupun mengagihkan harta zakat kepada ulama dalam soal *fi sabilillah* ini adalah merupakan suatu amalan yang baik kerana para ulama ini juga merupakan pewaris para *anbiya'*. Hal ini juga boleh membantu melahirkan lebih ramai ulama agar mereka dapat membantu memelihara dan menyebarkan syariat Islam (agama Allah SWT) di alam dunia ini.

Di samping itu juga, antara ulama Islam silam lain yang mempunyai pandangan yang sama ialah Imam Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi yang merupakan ulama tafsir popular yang mengarang kitab *Mahasin al-Ta'wil li al-Qasimi*. Dalam pada itu, al-Sheikh Hassan Ayyub pula merupakan antara ulama kontemporari yang seiring dengan pandangan seperti ini. Beliau mempunyai pendapat yang sama dengan Abu Hanifah dalam memutlakkan lafaz *fi sabilillah*.

Antara situasi-situasi lain yang cenderung dan boleh diambil kira di dalam perkara ini ialah dengan merujuk kepada mana-mana individu yang berusaha bersungguh-sungguh dalam mencari ketaatan dan keredhaan Allah SWT pada setiap jalan kebaikan yang dilakukannya. Menurut pandangan ini, setiap orang yang melakukan amal kebaikan dengan tujuan ketaatan atau mencari keredhaan Allah SWT adalah layak untuk menerima harta zakat. Amalan serta tindakan seperti ini juga digambarkan sebagai satu amalan yang mampu menyumbang untuk agama Islam itu sendiri dan juga untuk golongan muslimin.

Selain daripada hujah yang dinyatakan sebelum ini, golongan yang meluaskan pengertian *fi sabilillah* ini turut berpegang kepada beberapa hujah lain. Hal ini dapat dilihat dengan penggunaan lafaz *fi sabilillah* yang berbentuk umum. Maka, lafaz kalimah *fi sabilillah* ini tidak boleh dikhususkan dengan sesuka hati melainkan situasi ini mempunyai dalil-dalil ataupun bukti-bukti yang menyatakan sedemikian.

Selain itu juga, terdapat beberapa sumber rujukan lain seperti hadis Rasulullah SAW yang memberikan penjelasan kepada kita bahawa harus menggunakan harta zakat ini dalam perkara ibadah haji. Hal ini kerana, ibadah haji juga merupakan suatu ibadah yang termasuk dalam pengertian *fi sabilillah*. Hal ini

dapat dilihat pada sejumlah sahabat Rasulullah SAW antaranya Ibn ‘Abbas, Ibn ‘Umar dan selain daripada mereka. Bahkan, mereka ini turut berpegang kepada satu hadis Rasulullah SAW yang terdapat dalam Sahih al-Bukhari di dalam bab al-Qasamah yakni Rasulullah SAW ini sendiri telah membayar denda untuk seorang sahabatnya yang dibunuh oleh seorang Yahudi yang tidak dapat dikenal pasti identitinya dengan unta yang dibeli dengan menggunakan kutipan harta zakat. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat keharusan dalam menggunakan kutipan harta zakat untuk semua perkara kebaikan dan juga setiap perkara yang mendekatkan diri kepada Allah SWT. Di samping itu juga, golongan yang meluaskan pengertian fi sabilillah ini juga turut berdalil dan bersumberkan bahawa terdapat golongan sahabat Nabi Muhammad SAW yang mengambil harta-harta Allah SWT ini yang sebahagiannya adalah daripadanya adalah harta zakat setiap tahun yang terkumpul. Mereka menamakannya sebagai pemberian dan ganjaran kepada mereka yang melakukan kebaikan sama ada mereka terdiri dalam golongan kaya atau miskin.

#### **4. Analisis Hujah dan Pandangan Ulama**

Setelah penelitian dan penerangan yang disebutkan daripada beberapa pendapat mazhab empat sebelum ini, dapat disimpulkan di sini bahawa sebahagian besar ulama Islam silam telah mengkhususkan pengertian fi sabilillah ini dengan pengertian jihad di jalan Allah SWT (berperang di jalan Allah SWT) dan juga segala sesuatu yang berhubungan dengannya. Selain itu, Yusuf Al-Qaradāwī juga turut menjelaskan bahawa terdapat beberapa pendapat yang lain iaitu dari dua ulama mutaqqadimin dan juga ulama mutaakhirin yang memperluas pengertian fi sabilillah. Maka, wajib kepada kita untuk menilai sejauh mana di antara dua pendapat iaitu yang pertama pendapat golongan yang mengkhususkan pengertian fi sabilillah kepada jihad di jalan Allah SWT (berperang di jalan Allah SWT) sahaja dan pendapat kedua ialah pendapat golongan yang meluaskan pengertian fi sabilillah ini yang lebih mendekati kepada kebenaran dan lebih tepat untuk ditarjih.

Para ulama silam yang meluaskan pengertian fi sabilillah ini telah berpegang pada dalil ataupun bukti yang jelas iaitu pengertian fi sabilillah yang mencakupi segala jenis amal perbuatan yang baik dan segala sesuatu perkara yang bermanfaat dan memberi impak positif kepada orang-orang yang beriman. Hal ini juga bererti bahawa dengan meluaskan pengertian fi sabilillah ini, antara contoh-contoh yang mereka boleh lakukan ialah dengan mendirikan masjid, sekolah dan hospital serta amal kebajikan untuk masyarakat setempat.

Adapun jumbuh fuqaha’ dari mazhab empat iaitu mazhab Syafie, Maliki, Hanbali dan Hanafi, ada di antara mereka ini tidak bersetuju berkaitan pengertian fi sabilillah ini dengan merujuk kepada dua hujah yang digunakan iaitu yang pertama ialah sebagaimana alasan yang dikemukakan mazhab Hanafi bahawa rukun zakat itu adalah harus dan memerlukan kepada pemilikan sedangkan pemilikan itu tidak akan wujud dengan menyerahkan harta zakat ini untuk tujuan kebajikan yakni tidak wujud pemilikan bagi seseorang pun juga. Dalil ataupun bukti terdapatnya rukun pemilikan ialah bahawa Allah SWT menyebut di dalam al-Quran bahawa harta zakat itu dengan sedekah sedangkan hakikat sedekah itu tujuannya untuk diberikan pemilikan harta tersebut kepada golongan fakir miskin.

Hujah yang kedua pula ialah bahawa hal-hal tersebut seperti mendirikan masjid, sekolah, kedai, hospital dan sebagainya bukan termasuk sasaran kepada lapan golongan asnaf yang telah disebutkan oleh al-Quran al-Karim dengan firmanNya “sesungguhnya sedekah-sedekah itu hanyalah untuk orang-orang fakir. “Innama” adalah alat untuk mengkhususkan dan menetapkan sehingga tetaplah yang disebutkan dan hilanglah yang selainnya. Terdapat juga hadis Nabi SAW yang menyebut bahawa “sesungguhnya Allah SWT telah menetapkan hukum pada amalan sedekah dengan membahagikannya kepada lapan golongan asnaf”. Pendapat ini juga dipegang oleh Ibnu Qudamah dalam kitabnya al-Muqni. Terdapat alasan yang pertama terhadap bantahan berdasarkan pada apa yang telah kita kemukakan sebelumnya bahawa sasaran zakat yang digambarkan al-Quran dengan huruf fi tidak disyaratkan untuknya pemilikan. Atas dasar inilah



fatwanya orang yang berfatwa untuk membebaskan hamba dan membayar hutang si mati daripada harta zakat dalam keadaan tidak adanya pemilikan.

Sesungguhnya syarat pemilikan itu mampu dipenuhi dengan menyerahkan harta zakat kepada pihak pemerintah. Tidak semestinya pemilik harta itu menyerahkan harta zakat itu kepada golongan fakir miskin sehingga apabila pihak pemerintah atau satu badan organisasi yang diamanahkan telah menerima zakat, maka menjadi tanggungjawab kepada pihak tersebut untuk mempergunakan harta zakat tersebut kepada hal-hal yang berkaitan seperti yang disebutkan sebelum ini. Adapun alasan yang kedua yang mengkhususkan ini mensasarkan harta zakat ini kepada lapan golongan asnaf maka tidaklah cukup untuk menolak alasan orang yang meluaskan pengertian fi sabilillah selagi mana mereka menyatakan bahawa masalah-masalah ini seperti mendirikan masjid, sekolah, hospital, kedai ataupun yang lain termasuk juga di dalam pengertian fi sabilillah. Selain itu juga, ia tidak menyimpang dari sasaran yang dikhususkan Allah SWT dengan kata “Innama”. Akan tetapi penolakan yang tepat terhadap orang yang berpendapat dengan pendapat ini adalah dengan memberi batasan terhadap pengertian fi sabilillah itu. Apakah ia hanya dikhususkan untuk peperangan dan pertempuran sebagaimana pendapat jumhur ulama atau bersifat umum iaitu meliputi segala kebajikan, kebaikan dan juga mendekatkan diri kepada Allah SWT dan ia seperti pendapat yang telah dikemukakan seperti petunjuk lafaz yang umum. Situasi ini juga akan memberikan batasan terhadap pengertian fi sabilillah ini dengan batasan yang sempurna. Maka kita akan mengemukakan penempatan kalimah fi sabilillah ini di dalam al-Quran supaya ia jelas bagi kita dan dari kalimah ini sesuai dengan situasi dan penggunaannya.

Selain itu, tokoh ilmuan Islam Yusuf Al-Qaradāwī ini turut membahaskan fi sabilillah ini dalam konteks infak yang turut mengandungi dua pengertian yang berbeza iaitu yang pertama ialah pengertian umum yang hanya memfokuskan kepada semua pekerjaan yang berkaitan kebajikan. Yang kedua pula ialah pengertian infak yang memberi maksud iaitu berperang menentang musuh Islam dan mempertahankan kalimah Allah SWT di muka bumi ini (Al-Qaradāwī, 2006). Maka, setelah penelitian dilakukan, Yusuf Al-Qaradāwī ini turut menjelaskan berkaitan ayat pengagihan zakat ini yakni beliau sendiri tidak mengehendkan fi sabilillah ini memberi maksud peperangan semata-mata. Namun, Yusuf Al-Qaradāwī ini telah memperluaskan tafsiran fi sabilillah ini dalam kepelbagaian bentuk seperti pemikiran, pendidikan, penulisan, perekonomian, politik, kemasyarakatan dan lain-lain lagi. Situasi ini juga merupakan tunjang utama dengan harapan metode yang digunakan ini mampu mengagungkan Allah SWT itu sendiri seterusnya dapat mempertahankan agama Islam yang suci ini (Al-Qaradāwī, 2006).

Justeru, secara tuntasnya, Yusuf Al-Qaradāwī ini tidak mengehendkan fi sabilillah ini kepada jihad di jalan Allah SWT semata-mata malah fi sabilillah ini juga perlu diperluaskan dengan merujuk kepada kehendak dan keperluan semasa pada masa kini yang merangkumi keutamaan kebajikan dan kemaslahatan masyarakat setempat.

## **6. Golongan Asnaf Fi Sabilillah Menurut Pandangan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia**

Di bahagian ini pula, pengkaji akan menghuraikan berkaitan golongan asnaf fi sabilillah menurut pandangan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia. Huraianya adalah seperti berikut:

Di Malaysia, urusan berkaitan zakat terutamanya berkaitan pengagihan zakat ini telah lama diinstitusikan di dalam undang-undang pentadbiran hal ehwal Islam negeri-negeri di Malaysia (Ghazali, 1989). Malah, situasi ini juga turut dirujuk kepada undang-undang zakat yang wujud di sesetengah negeri. Dalam pada itu, pentadbiran dan pengurusan zakat ini telah diurus oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang mempunyai tanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan kelancaran pelaksanaan zakat ini. Selain itu, institusi zakat ini juga turut bertindak sebagai sebuah agen ekonomi yang sering menjadi perhatian masyarakat Islam khususnya di Malaysia.

Dalam pembahagian zakat kepada asnaf fi sabilillah di Malaysia ini, sememangnya terdapat Majlis Agama Islam Negeri yang turut mengguna pakai pendapat Yusuf Al-Qaradāwī ini. Situasi ini juga dilihat apabila Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) menakrifkan asnaf fi sabilillah ini tidak tertumpu kepada berjihad di jalan Allah SWT semata-mata namun situasi ini juga dilihat daripada konteks yang lebih luas lagi yakni keperluan kepada kebajikan masyarakat menjadi keutamaannya. Jika dilihat di sini, penumpuan kepada pembangunan sosial dan ekonomi, pendidikan, dakwah dan kemahiran menjadi satu agenda berterusan bagi memastikan golongan asnaf ini tidak dipandang sepi malah dengan bantuan-bantuan yang diberikan oleh MAIPs juga sudah pasti asnaf ini mampu berdikari dan mampu menjana pendapatannya sendiri.

### **7. Impak COVID-19 Terhadap Asnaf Fi Sabilillah**

Wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia sekitar Mac 2020 telah memberi impak yang negatif kepada seluruh dunia khususnya rakyat di negara Malaysia. Ramai dalam kalangan rakyat Malaysia sendiri yang turut terjejas yakni ekonomi negara ketika ini lumpuh di samping lambakan pengangguran, kekurangan sumber makanan dan sebagainya. Malah golongan berpendapatan rendah yang mempunyai tanggungan yang ramai turut menerima impak yang sama. Namun, pihak yang bertanggungjawab tidak berdiam diri malah jika dilihat kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) lebih RM153.24 juta turut disalurkan kepada seluruh golongan asnaf di seluruh negara (Harian Metro, 2020). Situasi ini juga menggambarkan bahawa setiap golongan asnaf itu tidak dipandang sepi oleh pemerintah malah golongan ini juga turut dibantu bagi mengurangkan beban dan sengsara yang perlu ditanggung akibat pandemik COVID-19 ini.

### **8. Kesimpulan**

Daripada perbincangan dan huraian sebelum ini dan dapat disimpulkan di sini bahawa Yusuf Al-Qaradāwī berpandangan dan berpegang bahawa asnaf fi sabilillah yang dirujuk daripada empat mazhab ini adalah sama iaitu berjihad di jalan Allah SWT (berperang di jalan Allah SWT). Di samping itu, beliau juga turut mempunyai pendirian, kepakaran dan pendekatan yang tersendiri yakni beliau ini sentiasa meraikan pendapat serta hujah daripada pihak lain mengenai isu-isu berbangkit selagi mana tiada nas yang melarangnya. Di sini juga dapat dilihat bahawa setiap isu yang timbul itu dinyatakan, dikumpul dan dibentangkan sebagai bahan perbincangan dan diakhiri dengan huraian pendapatnya sendiri.

### **Rujukan**

- Abdul Majid, M. Z. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Khinn, M. S. (1996). *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Madhab al-Imām al-Shafii*. Damsyik: Dār al-Ulum al-Insāniyah.
- Al-Qaradāwī, Y. (2006). *Fiqh al-Zakāh*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Ghazali, A. (1989). "Fenomena Pembayaran Zakat Melalui Saluran Tidak Rasmi-Satu Analisis Empirik." dalam Baharom, M. A. (ed.), *Zakat Ditinjau dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Islam.
- Harian Metro. (2020). <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/565919/pembayar-zakat-heroesnaf>.
- Pusat Pungutan Zakat, <https://www.zakat.com.my/info-zakat/golongan-penerima-zakat/>.
- Utusan Malaysia. (2022). <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/11/mains-salur-rm8-6j-bantu-pihak-terjejas-covid-19-tahun-ini/?msckid=d1aeb456cf6811ec9ee9d6e93161b07e>